

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
13 March 2016

# Siapa raih untung besar, Mahathir atau Kit Siang?

UM - 13/3/2016

**T**IADA yang luar biasa di sebalik keputusan Kabinet menamatkan pelantikan mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penasihat Petronas.

Hakikatnya memang beliau tidak lagi mendokong kerajaan sedia ada. Itulah juga tindakan yang pasti diambil oleh Mahathir jika beliau berdepan dengan situasi seumpama itu sebagaimana dibuktikan dengan pemecatan ramai tokoh ketika era kepimpinan beliau selama 22 tahun.

Banyak pihak sebelum ini menggesa kerajaan menarik balik kedudukan Dr. Mahathir dalam Petronas, Proton dan Yayasan Kepimpinan Perdana. Ini ekoran deklarasi yang beliau rintis melibatkan pembangkang terutama DAP bagi menjatuhkan Perdana Menteri di luar proses demokrasi - tindakan yang bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan negara.

Seperti dijangka, pembangkang memainkan isu penyingkiran Mahathir daripada Petronas sebagai satu lagi modal politik. Biasalah. Apa yang pembangkang boleh buat, Barisan Nasional (BN) tidak boleh, bagaikan ada dua kayu ukur berbeza.

Februari lalu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menamatkan khidmat dua wakil rakyat PKR sebagai pengarah dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) disebabkan bercanggah pendirian dengan beliau berhubung



KERATAN akhbar *Mingguan Malaysia* 6 Mac lalu.

**Sejarah permusuhan politik mereka paling panjang dan perit. Kedua-duanya berjaya menjadikan musuh mereka kelihatan jijik di kaca mata ahli parti dan penyokong.**

projek penambakan. Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP tidak menghiraukan sebarang bantahan sebaliknya menegaskan tindakannya itu bagi memelihara prinsip kebersamaan dalam kerajaan negeri. Tiada bezanya antara isu Mahathir dan dua wakil rakyat PKR malah tindakan mantan Perdana Menteri itu jauh lebih mudarat.

SELEPAS lebih seminggu deklarasi Mahathir-pembangkang, reaksi umum terus hambar. Banyak petunjuk memperlihatkan deklarasi tersebut bakal tinggal deklarasi tanpa impak.

Sama keadaannya apabila Mahathir menghadiri Perhimpunan Bersih dikuasai DAP dua hari berturut-turut tahun lalu, tidak memberi apa-apa kesan.



HADI AWANG



TENGU RAZALEIGH



WAN AZIZAH

Maknanya, masyarakat umum terutama orang Melayu tidak dapat menerima hakikat Mahathir bersekutu dengan DAP dan penasihatnya, Lim Kit Siang.

Beberapa laporan dalam media Cina turut memberikan analisis yang suram dan skeptikal kepada hala tuju deklarasi tersebut. Nampaknya masyarakat Cina tidak teruja. Banyak badan bukan kerajaan (NGO) juga membantah. Pembangkang tidak bulat hati. Ketuanya, Wan Azizah Ismail walaupun menyokong deklarasi namun sinikal. "Mahathirlah yang lemah, perlukan pembangkang," katanya bagai ada yang terbuka di hati.

Turut menarik perhatian Awang minggu ini adalah reaksi Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yang kalah tipis sewaktu mencabar Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO. Beliau tidak menyokong deklarasi tersebut, satu lagi mesej jelas. Ini diikuti kenyataannya menyakini Perdana Menteri, Najib Tun Razak akan dapat menangani segala isu berbangkit, yang ditafsir positif oleh banyak pihak.

Tamparan lebih besar datang daripada penegasan Presiden Pas, Hadi Awang yang menyifatkan gerakan Mahathir dan pembangkang itu sebagai gopoh dan kerja sia-sia. Tanpa sokongan Pas, parti yang berpengaruh di akar umbi, deklarasi Mahathir tidak mampu menjadi gerakan rakyat. Takkan mahu mengharapkan Mat Sabu? Apa yang Awang lihat pada Mahathir kebelakangan ini adalah kemarahan dan kecelaruan, menjadikan tindak-tanduknya tidak elegan. Sedangkan itu yang lebih diperlukan dalam strategi politik hari ini.

PADA satu sidang akhbar baru-baru ini, Lim Kit Siang enggan menjawab pertanyaan sama ada beliau mempercayai Mahathir berikutan kedua-dua tokoh yang saling bermusuhan itu, kini bersatu.

Tidak sukar untuk ramal apa isi hatinya menyentuh Mahathir. Sejarah permusuhan politik mereka paling panjang dan perit. Kedua-duanya berjaya menjadikan musuh mereka kelihatan jijik di kaca mata ahli parti dan penyokong. Keengganan untuk menjawab pertanyaan itu sudah boleh ditafsir bahawa Kit Siang tidak mungkin mempercayai Mahathir sampai bila-bila. Kalau mantan Perdana Menteri itu menyertai DAP sekalipun, beliau tetap dicurigai. Mahathir pula sinonim dengan imej matlamat menghalalkan cara, yang Kit Siang pasti waspada.

Maka Awang teruja untuk melihat siapa yang lebih dipergunakan dan siapa akhirnya meraih untung besar - Mahathir atau Kit Siang?